

(b) Perkhidmatan Pengurusan Projek

Perkhidmatan yang diberikan oleh JKR untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti merancang, mengelola dan mengurus sumber-sumber bagi merealisasikan projek. JKR menjalankan pengurusan projek yang dilaksanakan sama ada secara Konvensional, Reka dan Bina (*Design & Build*), *Build Operate and Transfer* (BOT) atau Penswastaaan (*Privatisation*).

(c) Perkhidmatan Pengurusan Penyenggaraan

Perkhidmatan operasi dan menguruskan penyenggaraan seperti jalan, bangunan, woksyp dan sebagainya.

2.5 Struktur Organisasi JKR

2.5.1 JKR Malaysia diterajui oleh seorang Ketua Pengarah Kerja Raya dan dibantu oleh tiga orang Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya. Pentadbiran JKR Malaysia meliputi seluruh Malaysia kecuali JKR Sabah dan Sarawak. Carta Organisasi JKR Malaysia adalah seperti di Lampiran 2A.

2.6 Organisasi JKR Malaysia Mengikut Fungsi

2.6.1 Organisasi JKR Malaysia terbahagi kepada tiga sektor seperti berikut:

(a) Sektor Bisnes

Sektor ini adalah bertanggungjawab bagi merancang, menyelaras, melaksana dan memantau projek-projek pembangunan untuk Kementerian / Jabatan Pelanggan melalui cawangan-cawangan berikut:

- (i) Cawangan Jalan
- (ii) Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim
- (iii) Cawangan Kerja Bangunan Am
- (iv) Cawangan Kerja Kesihatan
- (v) Cawangan Kerja Keselamatan
- (vi) Cawangan Kerja Pendidikan dan Pengajian Tinggi